

SELAMAT HARI RAYA
chedet.co.cc
September 20, 2009
By Dr. Mahathir Mohamad

Saya dan isteri saya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidil Fitri kepada semua pembaca blog ini khasnya dan kepada semua umat Islam di Malaysia.

Saya harap kita dapat menyambutnya dengan meriah tetapi sederhana dan dengan penuh kesyukuran disamping menyedari bahawa ramai dikalangan kita yang tidak berkemampuan.

Kepada yang pulang beraya di kampung, berhati-hatilah di jalanraya dan pandu dengan cermat.

Selamat Hari Raya.

Maaf Zahir dan Batin

Mahathir dan Hasmah

211 Comments

By sujini Author Profile Page on October 2, 2009 1:03 PM

Salam Dr Mahathir & Dr Siti Hasmah serta keluarga.

Diucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri dan mohon maaf dipinta sekiranya saya terlanjur dan terkasar bahasa selama ini.

Pada Hari Raya kali ini kami berempat beranak berpeluang melawat Pulau Langkawi pada 24 Sep lalu. Sudah hampir 7 tahun kami tidak ke sana.

Setelah samapi di sana, kami telah menyewa sebuah kereta Perodua Viva dengan harga RM240/- selama 4 hari daripada kaunter kereta sewa didalam bangunan Lapangan Terbang Langkawi. Murah juga rasa kami.

Sebaik saja kami menaiki kereta terebut suami saya dapati minyak kereta tinggal sedikit sahaja. Nasib baiklah kami sempat mengisi minyak dalam perjalanan ke Hotel. Rupanya dengan harga sedemikian minyak dalam tangki kereta hampir kosong.

Pada hari pertama sampai, kami hanya menghabiskan masa di bilik Hotel kerana hari sudah lewat petang. Pada keesokan harinya kami pun bertolak ke kompleks Cable Car, di Oriental Village. Bila sudah sampai Perdana Quay, kami dapati beberapa orang tempatan menahan kereta kami. Dihadapan terdapat sekatan jalan oleh pihak JPJ. Kami kehairanan dan bertanyakan kepada seorang pemuda yang menahan kami, mengapa? Rupanya kereta yang kami sewa itu tiada lesen

sewa(Cop Puspakom).Pemuda itu suruh kami putar balik dan kembali dalam masa setengah jam lagi.Sekarang saya faham kenapa sewanya begitu murah.

Selepas insiden ini,dalam masa lebih kurang setengah jam kami pun menuju balik ke hala Cable Car.Pemeriksaan JPJ tiada lagi.Syukurlah.Selesai menaiki Cable Car dan melawat Oriental Village yang telah banyak berubah kami pun beredar dari situ untuk makan tengah hari.

Kami berkesempatan makan tengah hari di The Loaf, Perdana Quay.Saya dapati ada satu bangunan tersergam yang baru di situ bernama The Danna.Apabila saya bertanyakan pelayan di The Loaf, beliau memberitahu ia adalah sebuah hotel yang belum lagi siap.Hmm....

Menu di The Loaf ada kelainan berbanding di Pavillion,KL.Namun saya dapati Kari Ayam yang saya makan tidak berapa enak.

Kami pun teruskan perjalanan kami ke Sea World. Nasib tidak menyebelahi kami. Kali ini kami tidak dapat mengelak daripada ditahan oleh JPJ.Apa lagi kami disuruh turun dari kereta dan diminta memberi segala butir peribadi.Walaupun bukan salah kami,tapi saya rasa kami telah dianiaya oleh pihak kereta sewa tersebut dan memalukan.Mujurlah yang terkena adalah kami.Bayangkan kalau terkena kepada pelancong luar negara.Mesti dah masuk berita ni.

Pada keseluruhannya saya dapati Pulau Langkawi perlu lagi menaikkan taraf sebagai Pulau Bebas Cukai.Masih terdapat lot-lot kedai baru yang belum beroperasi dan bangunan tinggi tertinggal dengan keadaan separuh siap.Saya rasa tiada banyak pilihan daripada segi membeli belah.Produk yang menonjol seperti dulu ialah pinggan mangkok Vision,Corelle,Corningware dan Pyrex.Itu pun kurang pilihan.Pakaian berjenama pun sudah tiada kelihatan melainkan sedikit sahaja di SkyMall,Lapangan Terbang.Produk kraf tangan banyak dari Thailand dan Indonesia.Akhirnya saya banyak membeli hasil kraf tangan dari Indonesia dan Thailand. Yang betul-betul produk tempatan hanyalah minyak gamat.

Pada hari ketiga dan terakhir di Langkawi kami melawat Makam Mahsuri.Syabas,tempat ini sudah bertukar wajah.Tujuan pertama saya kesitu adalah untuk membeli kueh peniram.Memang saya suka kueh ini terutama ketika makannya panas-panas.Saya beli untuk bawa balik ke Shah Alam.

Apabila kami keluar makan malam pada malam terakhir kami disana, kami dapati kedai makan di Jetty Point sudah mulai tutup pada pukul 9:00mlm kecuali Starbucks,Baskin Robins,Bistro,KFC dan Kenny Rogers. Amat mengecewakan.

Saya berhasrat untuk mengunjungi faktori Mozarella Cheese tapi tiada kesampaian kerana kesuntukan masa.

Namun begitu semasa didalam penerbangan pergi dan balik saya dapati 80% penumpang didalam pesawat adalah terdiri daripada pelancong luar negara.Bayangkan jika kerajaan lebih memberi tumpuan kepada membangun dan menaikkan lagi taraf Pulau Bebas Cukai ini.

By coolbuddyAuthor Profile Page on September 29, 2009 3:36 PM

Assalammualaikum

Saya harap masih belum terlambat lagi untuk saya dan keluarga mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada Tun dan isteri yang tercinta, serta kepada semua kaum keluarga Tun.

Saya doakan semoga Tun dan keluarga akan sentiasa di rahmati Allah SWT sentiasa, di mana jua Tun berada.

Sekian, Terima Kasih

Saharudin dan Keluarga, Melaka.

By captaincobraAuthor Profile Page on September 29, 2009 11:26 AM

Tun Yang Amat Dikasihi. Selamat menyambut Aidil Fitri, semoga Tun berdua terus dikurnikan kesejahteraan dan dirahmati rahmat Allah SWT. Salam rindu dari saya dan isteri.

By che setAuthor Profile Page on September 28, 2009 9:33 PM

Salam sejahtera Tun sekeluarga yang dikasihi juga kepada semua pejuang Che Det.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada Tun Dr. Mahathir dan Tun Dr. Siti Hasmah seluruh keluarga. Semoga berbahagia sentiasa hendaknya. Setiap kali melihat Jalur Gemilang saya akan teringatkan Tun, perasaan menjadi hiba, air mata berderai sudah menjadi biasa. MAAF ZAHIR BATIN.

By sirtampinAuthor Profile Page on September 28, 2009 3:58 PM

Selamat Hari Raya Tun sekeluarga..

Maaf Zahir & batin

By AdamAuthor Profile Page on September 28, 2009 11:09 AM

Contemporary Time dalam Teori Relativiti yang membuktikan wujud masa abadi di samping masa yang kita jalani sekarang..

Ada banyak cerita keajaiban masa ini juga Teori Teleportation yang telah berjaya di buktikan..

Answer;

Nice, so mysterious.

By pemudakerisAuthor Profile Page on September 28, 2009 10:02 AM

Selamat Hari Raya Aidilfitri Buat Tun sekeluarga. Saya doakan Semoga Tun sihat Sejahtera dan mempunyai kekuatan menangkis segala tohmahan2 dan komen2 keatas Tun selama ini. Dan teruskan komen2 Tun, bagi menyedarkan bangsa kita ni yang telah terlupa.

dari
pemudakeris
By wajaperakAuthor Profile Page on September 27, 2009 3:44 PM

Dengan Izin Tun..Terima kasih..

Abg PenyuMenangis

Alahai..segan la saya bang..Tun la tuan punya blog ni..tak kan nak minta izin saya..emmm

Isu masa ini memang amat menarik sekali.Allah menegaskan di dalam Al Quran bahawa Allah menjadikan bumi dalam enam masa..mengapa enam masa? Sedangkan kalau Allah berfirman Jadilah..maka menjadilah sesuatu..? Rahsia yang hanya sedikit di beri kefahaman oleh Allah..

Surah Yunus [3] Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang menjadikan langit dan bumi dalam enam masa

Dan orang-orang Yahudi yang biadap mengatakan

Setelah itu Allah keletihan dan berehat...

Allah sendiri membantah kebiadapan orang-orang yahudi ini dengan Ayat Al Quran ini

“Dan Sesungguhnya Telah kami ciptakan langit dan bumi dan apa yang ada antara keduanya dalam enam masa, dan kami sedikitpun tidak ditimpa keletihan.”
[Qaf:38]

Lagi keajaiban masa

As Sajadah ayat 5 "Dia mengatur urusan dari langit ke bumi,, kemudian (urusan) itu naik kepadaNya dalam waktu satu hari yang kadarnya (lamanya) adalah seribu tahun menurut perhitunganmu.

Di dalam peristiwa Israk Mikraj susu yang belum di minum Rasulullah s.a.w masih hangat ketika beliau kembali ke tempat tidurnya..

Imam Ghazali tidak akan mampu mengarang Kitab Ihya jika beliau tidak mendapat karamah masa..

Dan akhir sekali Einstein sendiri telah membuktikan kewujudan

Contemporary Time dalam Teori Relativiti yang membuktikan wujud masa abadi di samping masa yang kita jalani sekarang..

Ada banyak cerita keajaiban masa ini juga Teori Teleportation yang telah berjaya di buktikan..

Begitulah hebatnya ilmu di dalam Islam..

Kata orang melayu..Hanya Jauhari mengenal Manikam (Permata)
Kata orang mukmin..Hanya orang beriman dapat merasai kemanisan..

Terima kasih Tun..

By annerazpohAuthor Profile Page on September 27, 2009 5:32 AM

Selamat Hari Raya Tun dan sekeluarga..

Maaf Zahir & batin

luv u Tun

By jumbutAuthor Profile Page on September 26, 2009 10:35 PM

salam aidilfitri buat Tun dan keluarga...semoga tuhan akan sentiasa memberi kebahagiaan buat Tun...

By eNAZAuthor Profile Page on September 26, 2009 12:20 PM

SALAAM YANG BERBAHAGIA TUN DR MAHATHIR MOHAMAD,

'SALAM LEBARAN AIDIL FITRI BUAT TUN SEKELUARGA'.

'MAAF ZAHIR DAN BATIN'

IKLAS DARI SAYA SEKELUARGA,

ENAZ (anak malaysia dari utara)

By zafri azranAuthor Profile Page on September 26, 2009 12:17 PM

Assalamualaikum Tun

Saya dikesempatan ini ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri buat Tun sekeluarga dan dikesempatan ini saya juga ingin memohon maaf zahir dan batin..

zafri, sira, zahira ,zulfa & zara

kuantan, pahang

By ridzwanAuthor Profile Page on September 26, 2009 12:31 AM

Assalamualaikum, Yang Berbahagia Tun Dr Mahathir ,Tun Dr Siti Hasmah serta keluarga.Ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir & Batin dari kami ridzwan ,hamidah,raid hanis, razi haziq dan reza hazman. sekeluarga.

KISAH BENAR 1996-13 TAHUN DAHULU, "MAJLIS HARI RAYA DI SERI PERDANA-
MESYUARAT RAHSIA ANAKKU DAN PERDANA MENTERI."

1.1996-Saya perlu ke majlis jamuan hari raya yg di adakan di seri perdana,jemputan x-boss saya Mokhzani Tun Mahathir serta keluarga,saya agak terlewat pergi,9.0 mlm masih di rumah bersiap2 tergesa utk kejamuan hari raya,cadangan pergi seorang shj sebab dah terlewat.

2.Tiba2 anak lelaki bongsu saya berumur 6 tahun bertanya,ayah sibuk2 ni nak pergi mana? angah(razi haziq) nak ikutlah..bolih tak?
Jawap saya..Oh ye ke?,tapi tak bolih lah sebab ayah ada mesyuarat dgn PERDANA MENTERI..ada perkara nak bincang..ehem..budak2 tak bolih ikut.(temberang tak nak bawa anak lah apa lagi..mana dia tahu.)

3.Dia terus diam... keluar dari bilik .. tetapi tiba2 patah balik..,"Ayah,angah rasa kena ikut juga lah" katanya selamba.

Tanya saya, kenapa pulak?

"Angah pun ada cerita nak bincang dgn dia(PERDANA MENTERI)!EH EH..apa hal pula, kata saya nak jumpa PM?

"ADA LAH!" jawab sikecik ni selamba.

Tapi tidak dapat ikut juga mlm tu.muncung lah dia.

4.Aduhai temberang kita pada anak tak menjadi!Dia tahu kita punya temberang besar dgn dia.

5.BESOK SABTU PAGI, SAYA BERCADANG NAK BAWA KELUARGA DAN (ANGAH)ANAK KECIK YG DAH 19 TAHUN,MASUK UITM DAH PUN,UNTUK BERHARI RAYA DGN TUN MAHATHIR DAN KELUARGA INSYAALLAH DAPAT JUMPA KALI NI..MEETING ANGAH YG TERGENDALA 13 TAHUN DULU DGN PM BOLEH SAMBUNG BALIK..AGAKNYA ,SAMBIL MAKAN KUEH RAYA.

6.Saya rasa bersalah pada anak 13 tahun dahulu dan juga pada TUN Dr.MAHATHIR kerana jual nama PM kita.Pada fikiran saya budak2 tak tahu siapa TUN DR. MAHATHIR ,tapi saya silap budak 6 tahun pun kenal rupanya..nak ikut masuk mesyuarat dgn PM lagi pulak..

MAAF ZAHIR BATIN PADA TUN DR MAHATHIR,TUN DR SITI HASMAH DAN FAMILI DAN TAK LUPA MY XBOSS DATUK MOKHZANI DAN KELUARGA.

SEMOGA SIHAT DAN PANJANG UMUR.WASALLAM

By PembelaAuthor Profile Page on September 25, 2009 4:04 PM

Assalammualaikum Tok Det,

SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI

MAAF ZAHIR & BATIN

MOGA DIPANJANGKAN UMUR & DIMURAHKAN REZEKI

Dengan ingatan tulus ikhkas dari:

PEMBELA

<http://pembelamelayu2009.wordpress.com/>

By pelangi butler Author Profile Page on September 25, 2009 3:29 PM

Selamat Hari Raya diucapkan dengan seiklas rasa syukur lantaran masih bersama-sama meraikannya dengan Tun berdua tahun ini...

Semuga Tun berdua bergembira dilebaran yang mulia ini.,

Tertumpangkan salam sayakepada anak2 dan cucu Tun...

Pelangi Butler.....suatu ketika dahulu Butler Tun di Langkawi...(besar hati saya dapat mengucapkannya kali ini.& besar hati saya dahulu diberikan kepercayaan menjaga Tun berdua, dan memang tiada apa yang pernah saya minta atau harapkan dahulu dari pihak Tun sekadar cukup diberikan peluang & kepercayaan kepada saya untuk menjaga kepentingan terutama makan minum Tun berdua ketika dihotel dahulu).

Sekadar itulah yang mampu saya berikan kepada seorang Pemimpin agong dan yang boleh saya ertikan dengan andaian , umpama Bapak...., dan tiada selebihnya yang saya ingin minta, lantaran jasa2 Tun tiada terhingga kepada Nusa & Bangsa.

Doa saya, semuga dicucuri rahmat Allah SWT kepada Tun berdua, panjang umur, dipastikan ketenangan hidup didunia ini dan selamanya diakhirat kelak....& kira diberi peluang mahu rasa nya apabila Allah memanggil pulang Tun suatu hari kelak, ingin saya bersama anak2 Tun menjunjunggi jenazah ke lahat tanda hormat, kasih dan sanjung saya....namun masih tiada apa lebih lagi yang saya pinta, cukup telah diberi peluang dahulu dihotel....,

Lantaran kata2 saya ini umpama hajat saya.....sebagai pernyataan Hormat Saya & Syukur saya kerana Allah telah memberi negara ini seorang pemimpin seperti Tun...Alhamdulillah...hajat tercapai kali ini...

Terima kasih & Wassalammu.

E1.

By Penyumenagis Author Profile Page on September 25, 2009 11:32 AM

Assalamu'alaikum

Yang berbahagia Tun Dr. Mahathir,
Para blogger yang dihormati sekalian,

Dengan izin Tun dan para moderator,
dan dengan izin adik Wajaperak dan Prof_Ridcully,

Shalom Aliechem and Shana Tovah dear Hanan,

Thank you for drawing my attention to the Jewish New Year celebration. This is indeed a new information to me.

It is interesting since it answered some questions I have for example, why an academic year in western University begins in September or October. It must have followed the Jewish calendar. Of course, we know that "sabbatical leave" is also a Jewish culture. Is this another Jewish conspiracy or the Illuminati influence to the education system?

For quite a different reason, I have personal interest in various types of calendar systems for quite sometimes now since the millenium celebration when I had to queue (for 3 hours) for a piece of free pizza in Seksyen 19 Shah Alam. In relation to this I have written an article Demi Masa and it was part of a book which has been published a few years ago but it withdrawn because I did not give a written consent to the publisher. This book will be re-published soon.

Enclosed here is an excerpt from this article for chedet.

~~~~~  
Demi Masa (untuk chedet)

Sambutan alaf baru sepatutnya diraikan pada akhir tahun 2000 Mesihi bukan pada permulaannya. Alaf baru hanyalah satu batu penanda dalam sejarah; tahun 2000 tidak mempunyai makna mutlak, kecuali bagi penganut agama Kristian, yang menganggapnya tarikh sempena kelahiran Nabi Isa (AS). Ini pun terbukti salah mengikut kajian modern yang menunjukkan Nabi Isa AS dilahirkan 6 tahun sebelum Mesihi. Namun begitu "sambutan alaf baru" 2000 telah menjejaskan sedikit kehidupan kita semua kerana kita menggunakan kalender Gregorian sempena nama penciptanya Pope Gregory.

Mengukur masa

Selain aspek keagamaan Kristian, tiada kaitan saintifik yang signifikan bagi alaf baru, kecuali ia mengira sekian banyak revolusi planet bumi pada orbitnya mengelilingi matahari sejak pengiraan bermula pada satu detik arbitrary yang ditetapkan (hari kelahiran Nabi Isa AS) pada tahun pertama Mesihi. Satu tahun Mesihi (a tropical year or a solar) ditakrifkan sebagai satu jangka masa pemerhatian di antara dua equinoks, di mana bumi mengelilingi matahari (iaitu selama 365.24219 hari).

Pengiraan masa mengikut peredaran bumi mengelilingi matahari sangat penting dan membantu petani zaman dahulu kala. Dengan pengetahuan mengenai musim, masyarakat berasas pertanian boleh meramal bilakah masa sesuai untuk menajak, menanam, menuai dan sebagainya. Kedudukan Malaysia di khatulistiwa menyebabkan hal ini tidaklah begitu dirasai kesannya kerana kita mengalami satu musim sahaja. Maka, tidak hairanlah kalau budaya kita tidak begitu mengindahkan masa. Lazim kita mendengar apa yang dipanggil waktu Malaysia.

Tamadun Islam pula memulakan pengiraan masa, bersempena hijrah kaum Muhajirin ke Medinah (bersamaan dengan 622 Mesihi). Satu bulan Hijrah atau bulan sinodik (a synodic month) bersamaan dengan pemerhatian satu anak bulan ke satu anak bulan yang lain, iaitu mengikuti revolusi bulan mengelilingi bumi. Satu bulan sinodik bersamaan dengan (29.5305886 hari). Penggunaan peredaran bulan sebagai alat pengukur masa mempunyai releven yang

berbeza. Orang-orang Arab yang sentiasa berpindah-pindah (nomad) yang sentiasa bergerak, memerlukan satu carta masa yang boleh membantu perjalanan mereka. Tambahan pula, hal ini juga terkandung dalam kitab suci Al-Quran surah At-Taubah (9:35-36):

Jumlah bulan; Dari pandangan Allah; adalah dua belas (dalam setahun); maka diperintah olehNya; hari Dia mencipta surga dan dunia; ....

Sama seperti tahun Hijrah (tahun lunar), tahun Mesihi (tahun solar) dibahagi kepada dua belas bulan. Hal ini menyebabkan tahun Hijrah lebih pendek sebanyak 10.875134 hari daripada tahun Mesihi. Kita di Malaysia yang menggunakan kalender Gregorian (tahun solar) untuk tugas resmi, terkesan secara langsung kerana kita dapati, contohnya hariraya (bulan Syawal) sentiasa berubah-ubah berbanding dengan kalender Gregorian.

Perselisihan lebih kurang 10 hari ini, menyebabkan tahun Hijrah akan bersamaan dengan tahun Mesihi pada tahun 20,889. Ketika itu mungkin berlaku kekeliruan bagi mereka yang buta sejarah, yang mungkin menyimpul tarikh kelahiran Nabi Isa berlaku pada tarikh yang sama dengan umat Islam berhijrah ke Medinah. Andaian terlampau ini sangat tersisih kerana tahun 20,889 Mesihi adalah tarikh yang sangat jauh dari sekarang.

Walaupun kalender tamadun Cina juga berasas putaran lunar (bulan) dan satu tahunnya mengandungi duabelas bulan amnya, perselisihan di antara kiraan tahun solar dan tahun lunar, diatasi dengan menyelaraskan kedua-dua kiraan ini setiap selepas dua atau tiga tahun. Pada tahun penyelarasan, kalender Cina mempunyai tiga belas bulan.

Mengikut satu legenda, 2637 tahun sebelum Mesihi, Maharaja Huangdi telah menggunakan kalender Cina dan mengenali keperluan mengguna kedua-dua putaran matahari dan bulan dalam kehidupan mereka. Maka kalender tamadun Cina dibina berdasar putaran lunisolar. Ini amat berbeza dengan Kalender Islam. Kita akan lihat nanti sambutan Kongsi-Raya pada tahun 1998 Mesihi akan berlaku 33 tahun selepas itu. Yang anihnya, kalender Cina tidak berterusan; ia berkitar selama 60 tahun. Oleh yang demikian kita tidak mendengar orang Cina mengatakan tahun Cina yang ke 4647 bersamaan dengan 2009 Mesihi.

Piawaian saintifik antarabangsa memersetujui pengukuran masa yang sesingkatnya dalam satu unit yang dipanggil saat (second). Ia merupakan satu daripada 7 ukuran asas dalam sains semulajadi. Satu saat ditarkrif mengguna jam semulajadi atom caesium. Dari radas semulajadi ini, satu unit saat bersamaan tepat dengan 9 192 631 770 ayunan sinaran yang berhubungan dengan peralihan dua paras hyperfine atom caesium-133 berkeadaan terendah. Kita orang biasa tak perlu faham apakah ini. Namun dalam 2000 tahun jam atom caesium ini mengalami ayunan (frequency) sebanyak  $5.80182401 \times 10^{20}$  kali (atau 5,801,82,401,000,000,000 kali).

Apakah masa?

Masa menjadi teras kepada persoalan tentang kewujudan yang mengkagumi cendekiawan, pemikir, ahli falsafah, penyair dan saintis sejak zaman berzaman. Apakah MASA? Ada yang berpendapat masa berhubung dengan perubahan (change), contohnya St. Augustine:

Bagaimanakah agaknya kelmarin dan yang akan datang; bila kelmarin sudah berlalu dan yang akan datang belum menjelma. Untuk sekarang (masa kini), jika ia sentiasa kekal sekarang dan tidak berubah menjadi kelmarin, ia bukan MASA tetapi abadi selama-lamanya.

Setiap perubahan yang berlaku mengambil masa. Tetapi bilakah masa bermula atau adakah permulaannya? Jika ia bermula pasti ada pengakhirnya. Maka bilakah pengakhirnya? Artikel ini cuba menjawab soalan-soalan ini.

### Masa dalam Sejarah Melayu

Sejarah dan hikayat Melayu, tidak banyak merujuk kepada masa. Hanya ada beberapa peribahasa yang memperihalkan masa, seperti perputah, masa itu emas, yang bermaksud masa itu sangat berharga, kerana tak mungkin emas iaitu zat, disama dengan masa, sesuatu yang abstrak.

Sukar menjumpai kata-kata hikamat di Nusantara yang menerangkan apakah masa secara explicit, kerana orang Melayu mungkin kurang peka terhadap masa. Mereka mengira masa mengguna peredaran bulan dan pasang surut air untuk jangka masa panjang. Contohnya perjalanan dari suatu tempat ke suatu tempat dikatakan sepurnama lamanya, atau kalau dekat sedikit mereka merujuk kepada setanak nasi. Dengan pengaruh Islam, untuk jangka masa pendek (sehari), masa sehari dibahagi mengguna lima waktu sembahyang.

Tempoh di antara lima waktu sembahyang umat Islam tidak dibahagi sama rata dalam sehari. Subuh ditanda bila fajar menyingsing atau bila bumi mula menerima cahaya matahari, walaupun matahari masih belum kelihatan. Zuhur pula bila matahari yang berada tepat di atas kepala (bila sinaran matahari tidak memberi bayang-bayang) mulai tergelincir. Bila bayang-bayang menjadi 1/3 pendek dari benda sebenar, masuklah waktu Asar. Manakala, Maghrib masuk bila senja menjelma atau matahari tenggelam sedangkan sinarannya masih diperhati sebagai warna-warna mega lembayung. Akhir sekali, Isya masuk bila semua sinaran matahari hilang. Kecuali waktu subuh yang berada di antara fajar hingga terbitnya mata hari, kesemua waktu-waktu lain bersambung menyambut antara satu sama lain.

Menggunakan skala masa yang dibahagi-bahagi kepada lima waktu sembahyang mungkin sesuai untuk mesyarakat pra-modern yang kurang peka (sensitive) kepada jadual. Contohnya, subuh merupakan waktu bangun tidur, akhir subuh adalah waktu mulai berkerja. Selepas Zuhur, waktu makan tengah hari. Selepas Asar, waktu habir berkerja. Manakala selepas Maghrib, waktu yang sesuai untuk beristirahat di malam hari atau waktu memulakan aktiviti malam atau bagi orang islam ia merupakan waktu untuk beramal ibadah. Sebelum adanya television, selepas sembahyang Isya biasanya masa untuk tidur.

Kehidupan di zaman post moden sangat terikat kuat kepada jadual, dan masa berasas 24 jam di mana satu jam mengandungi 60 minit dan setiap minit mengandungi 60 saat. Pembahagian masa sehari mengikut waktu sembahyang menjadi kurang praktikal. Tambahan pula pembahagian masa sehari mengguna waktu sembahyang hanya memadai untuk mesyarakat yang tinggal berhampiran dengan khatulistiwa, kerana hari tidak banyak berbeza dalam setahun. Di tempat jauh dari khatulistiwa, pembahagian masa seperti ini menjadi kelim kabut kerana panjangnya hari siang berbeza dari hari ke hari. Di England contohnya, pada musim panas waktu siang

(bermatahari) berlanjutan lebih dari 20 jam, manakala pada musim sejuk, waktu siang boleh sependik 6 jam sahaja.

Maka di Malaysia jam mengikut waktu sembahyang masih lagi biasa digunakan, dalam banyak hal contohnya upacara akad nikah yang dirancang selepas Maghrib. Budaya Melayu tidak menghiraukan sangat tentang ketepatan masa, menyebabkan banyak berlaku ambiguity dalam penggunaan pengukuran masa seperti ini. Contohnya, sesuatu upacara yang dijadual selepas Maghrib, boleh dijalankan bila-bila masa selepas Maghrib (termasuk selepas Isya, atau Subuh keesokkan harinya).

Sifat masyarakat Melayu memang tidak begitu endahkan masa dek pengaruh persekitaran semula jadi tanpa terdedah kepada pertukaran musim. Iklim tropika sekata tanpa perubahan suhu drastik dalam sehari mahupun setahun menjadikan penghuninya selesa sepanjang masa dan leka terhadap masa. Setiap apa yang perlu dilakukan boleh dilakukan sekejap lagi atau nanti atau bila-bila dan akhirnya menjadi tidak mengapa. Tak buat pun tak apa. Semua boleh. Malaysia Boleh.

Selanjutnya, diperhatikan juga walaupun ada beberapa peribahasa Melayu yang merujuk kepada masa, namun ianya tidak tepat dalam memberi takrifan masa. Ini termasuklah: “Cermat masa banyak, jimat masa sedikit”; “Hari baik (pagi) dibuang-buang, hari buruk (petang) dikejar-kejar” dan “Hari tidak selama panas”.

Dalam beberapa peribahasa ini, masa dikait kepada aspek lain iaitu “hari baik” di kias sebagai “peluang”, tetapi dalam tamadun Melayu, konsep masa itu sendiri tidak penting.

Saya tertarik kepada konsep masa elastik bagi masyarakat di Laut Selatan. Kehidupan mereka berjalan sangat lembab kecuali pada awal pagi dan waktu petang di mana banyak aktiviti dilakukan. Maka masa bagi mereka ini tidak dibahagi sama rata, ianya berlalu amat pantas pada waktu pagi dan petang, dan amat perlahan di antara kedua-dua waktu ini.

Bagi kebanyakan kita yang kini selesa dengan gaya hidup era informasi yang bersifat global, kita bukan sahaja perlu tahu pembahagian masa yang lebih saintifik berasas jam 24, minit 60 dan saat 60, malahan kita juga perlu tahu beberapa jenis jam (contohnya jam Malaysia, London, New York), mengikut garisan tarikh antarabangsa (international date line).

#### Masa dalam Islam

Konsep masa sangat utama dalam Islam, yang diperjelaskan, dalam firman Allah surah Al-Asr [103:1-3];

Demi Masa, Manusia itu dalam kerugian.

Kecuali mereka yang beriman dan beramal salih.

Dan mereka yang menyeru kepada kebenaran, dan mereka yang bersabar.

Islam amat mementingkan masa, sehingga Allah bersumpah demi masa dan menegaskan bahawa di dalam dunia ini, kita sebagai hambaNya banyak menjalani pelbagai kerja dan membuat perubahan sama-ada terhadap diri atau sekeliling kita. Perubahan demi perubahan yang kita lakukan yang sebenarnya tidak berfaedah kecuali beberapa hal tertentu. Surah Al-Asr memberi

gambaran sejelas-jelasnya hal-hal tersebut iaitu; bila kelakuan itu memupuk keimanan (kepercayaan); bila melakukan kebajikan; sekiranya menyeru kepada yang hak (kebenaran) dan bila kita bersabar semasa menghadapi dugaan.

Masa dan arah perubahan

Sains mengaitkan masa dengan arah perubahan. Hukum termodinamik kedua memperihal tentang arah atau hala sesuatu perubahan boleh berlaku. Dalam ungkapan hukum kedua yang mengtakrif entropi, tersirat bahawa bagi sistem terencil (alam ini adalah satu contohnya), perubahan spontan akan berlaku sekiranya perubahan tersebut disertakan dengan peningkatan entropi. Perubahan demi perubahan yang berlaku sentiasa meningkat entropi sama seperti meningkatnya masa. Tetapi seperti surah Al-Asr, tidak semua perubahan berlaku dan dilakukan berfaedah. Ada perubahan yang berfaedah ada yang tidak berfaedah. Allah menerangkan yang mana satukah perubahan yang berfaedah dan selebihnya kita hanya membuang masa...

Membuang masa?

Saya teringat perbualan Alice dan siMad-Hatter dalam the Mad-Hatter tea party dari cerita Alice in Wonderland oleh Lewis Carrol.

Alice mengeluh lesu... Aku fikir kamu perlu melakukan sesuatu yang lebih berfaedah dengan masa, kata Alice lagi, dari membazirkan masa dengan bertanyakan soalan-soalan teka-teki yang tidak mempunyai jawapan.

SiHatter menjawab: Kalau kamu tahu (kenal) Masa sebanyak aku, kamu tidak akan memperkatakan untuk membazirnya. Itu dia.

Dalam cerita tersebut, siMasa merajuk dek kenyataan yang dibuat oleh Permaisuri Hati ...membunuh masa. Pancung kepalanya.

Oleh itu siMasa pun merajuk dan berhenti sama-sekali pada pukul 6 petang, yang menyebabkan mereka (siHatter, siDormouse dan siMarch Hare) sentiasa berpesta (tea-party) berpanjangan (iaitu waktu minuman teh petang). Mereka tidak ada masa melakukan hal-hal lain seperti untuk membasuh cawan-cawan minuman mereka. Bagi mengatasi masalah cawan-cawan kotor yang tidak dibasuh, hidangan mereka diadakan pada sebuah meja yang sangat luas dan mempunyai banyak ruang.

Apakah moral cerita ini?

Sekiranya tidak mempunyai masa, sediakan ruang yang lebih.

~~~~~

Other topics

Ruang untuk masa?

Masa: dimensi ketiga bagi Alamarata (Flatland)

Ruangmasa

Masa dan kinetik

Akhir Masa

By bzzAuthor Profile Page on September 25, 2009 10:30 AM

Selamat Hari, Maaf Zahir & Batin buat Tun Mahathir, Tun Siti Hasmah dan juga keluarga. Semoga kehadiran Syawal ini lebih mendatangkan kebahagiaan, kesihatan dan kegembiraan untuk Tun sekeluarga dan juga rakyat Malaysia amnya.

Insyaa-Allah, kalau ada kesempatan, saya akan datang beraya rumah Tun esok hari.

By ejoeAuthor Profile Page on September 25, 2009 8:24 AM

Salam Idul Fitri buat YAB Tun berdua dan keluarga dari saya.

Bersama iringan doa agar Tun berdua sentiasa dikirniakan kesihatan dan kekuatan oleh-Nya.

Harizul.

By HBTAuthor Profile Page on September 25, 2009 8:19 AM

Dearest Tun,

May I.....

By samuraimelayu on September 23, 2009 10:10 PM

BERNAMA-September 18, 2009 14:28 PM

//Don't Nominate Isa Samad As Candidate, Says Dr Mahathir//

Dear abg samuraimelayu,

//THE CALL FOR TAN SRI ISA SAMAD AS THE CANDIDATE FOR N.31 TO ENSURE VICTORY AS DREAM BY HIS KETUA PEMUDA MAY TURN OUT TO BE A NIGHTMARE INSTEAD AND BE REST ASSURED THAT THE SAME FEAST OF 'CORRUPT' MENU WILL STILL BE SERVED BY THE PAKATAN RAKYAT TO THE VOTERS AT N31 AND AGAIN IN THE NEXT GENERAL ELECTIONS..THE ONLY FEASIBLE FOOD LEFT ON THEIR TABLE..THOUGH STALE, THE RAKYAT WILL STILL ACCEPT IT SINCE IT IS MADE IN UMNO/BN.//

The rakyat akar umbi non bumiputera kini didodoikan bahawa nama ISA Samad untuk N. 31, adalah "Sui" (bad) kerana mereka takut Keris Hisham akan pakai ISA (Internal Security Act) to "oppress" mereka seperti Sinchew reporter, Raja Petra, peliwat ANwar, Teresa Kok, membuat demonstrasi jalanan secara Adil & Aman, menanyakan khabrar Bala & family, who caused death to late Teoh BH in MACC (if in MACC building, MACC kena bertanggungjawab because US and World are watching Malaysia), Kartika's Whipping for curi2 minum arak (Budak Cina curi2 minum arak pasti akan dirotan ibubapa ma), Indonesia's Sapu Org Malaysia, ini bukan Penyapu

yang dipakai KUNTA TEMPE. KT kena sapu org bawahannya kerana ramai mereka curi2 buat kerja peribadi pakai nama SELANGOR, Sultan Selangor mesti marah ma..

Korap Jantan, sebagai pemandu Taxi, mengatakan BI Melayu tarak bagus, cuci mata = wash eye, makan angin = eat wind. Taxi Korap Jantan memberikan keris "lembek" dan "kecil" kepada orang cina sebagai hadiah, tetapi dia sendiri menghiaskan keris kukuh dan lebih besar dalam taxinya.

Kalau SAMI TARAK VALUE tidak bertanding, VPnya PARIAH SAMI TARAK VALUE akan bertanding, Sama aja, buat apa nak pilih BADAN NAJIS, busuk dan TARAK MARUAH asyik pakai ISA, DOSA Lah..!!

Tok Det Betul, jangan2 ambil ISA sebagai candidate kepada N.31, UMNO/BN sure kalah..!!

//MAKANYA KAMI KATAKAN,

KEPIMPINAN UMNO/BN MESTI BERANI KETEPIKAN SEGALA BAHAN2(PEMIMPIN) YANG DAH 'KORAP JANTAN', 'KUNTA TEMPE', 'AHLI RAHSUAH', 'TATAK SOLEK', 'TARAK VALUE' DAN YANG 'BADAN NAJIS' (BERMASAALAH) SUPAYA TIDAK AKAN DIJADIKAN HIDANGAN (YANG AKAN MERACUN DAN YANG MENCEMARKAN KEMAMPUAN BN) OLEH PIHAK PR KEPADA PENGUNDI DI N.31.

KERAJAAN UMNO/BN YANG KAMI HARGAI PERJUANGAN NYA MEMBINA NEGARA MESTI BERANI BERUBAH//

TATAK SOLEK tidak mahu bertanding di N9, supporters TATAK SOLEK is very ... very... very... strong in Johor, Batu Pahat kerana beliau satu kali lagi dipopularkan dengan "gosip hangat" kerana TARAK ONG terguna rasuah TS ISA untuk menjatuhkan imej bersih TATAK SOLEK. Abg samuraimelayu jangan lupa Brother Annuar yang membenarkan TANDA CHUA(Brother Annuar) men-FITNAH-kan "Sunat" sebagai operasi "Potong Saga", okay..??

Take care abg samuraimelau, so is Tun and enjoy your day!!!!
By tunnusantaraAuthor Profile Page on September 25, 2009 2:50 AM

Salam Tun berdua,

Hope I'm not late in wishing you & family a:

SELAMAT HARI RAYA 'AIDILFITHRI & MA'AF ZAHIR dan BATIN.

May Allah SWT Bless You Always...

=> Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

By AdamAuthor Profile Page on September 25, 2009 2:29 AM

you did have your weaknesses just as we are human beings, and let's stop all the blaming others which you could be overwhelmed easily by those who fan you and had agreed with you blindly,

Answer;

Most of us see, and think of our own, not agreeing blindly like you have claimed. Except for parties fellow of course. Tun never claim in any way, that he does not have weakness. In fact, nobody does.

I hope Samy Vellu had now fought back to tell you off that choosing candidate for the Negri Sembilan's by election is NONE of your busienss,

Answer;

It is none of Samy Vellu's business as well.

so be wise to accept criticism as you have to recognise that you are just another human being, just a man, a richer and more powerful Malaysian, but you are never God!

Answer;

Tun always accept criticism, if you have the proper eyes to read the earlier post, you would have known that Tun did not mind about it and also, he never claim that he is a god either.

By samuraimelayuAuthor Profile Page on September 24, 2009 11:55 PM

SALAM KASIH DAN SAYANG
AYAHANDA RAKYAT TUN
IZINKAN,

By raveendranAuthor Profile Page on September 23, 2009 3:16 PM

Wish TDM, his family members and all Muslims, Selamat menyambut 1 Syawal.

WE NOTED WITH THANKS AND MAY THE ALMIGHTY BLESS YOUR FAMILY AND YOU.

WANNAKAM (GREETINGS)

By samuraimelayuAuthor Profile Page on September 24, 2009 11:46 PM

SALAM KASIH DAN SAYANG
AYAHANDA RAKYAT TUN

IZINKAN,

KAMI MOHON MAAF KERANA INGIN MENYEDARKAN SIMUTTAL RAVI NI.

By rarunasalamAuthor Profile Page on September 22, 2009 12:55 PM

Samurai Melayu...

...

Anyhow, IT forensic works wonders and it wont be hard for cops to use samuraimelayu@gmail.com, amongst other simple DNA and track you down..

MY DEAR RAVI,

ON ONE RAINY NITE, MANY YEARS AGO, WE MET AN ACCIDENT, SKIDDED AND SMASHED THE CAR INTO THE PERIMETER WALLS OF A BANGALOW IN SECT. 16, PJ. THOUGH THE VEHICLE WAS A TOTAL WRECK, WE CAME OUT UNSCRATCHED. THANKS TO THE ALMIGHTY ALLAH.

WITHIN MINUTES, THREE TOW TRUCK OPERATORS TOGETHER WITH THEIR 'INFORMERS' WERE AT THE SCENE EVEN BEFORE A POLICE PATROL CAR ARRIVED. ON ARRIVAL, THE CONCERNED PATROLMEN TOLD US NOT TO ENTERTAIN THE TOW TRUCKERS AND ONE OF THEM OVERHEARD AND STARTED TO ABUSE THE POLICEMEN.

THE ACTIONS OF THE MAN REALLY ANGERED US AND THE NEXT THING WE KNEW WAS THAT WE SHOVED THE MAN ASIDE AND SHOUTED AT HIM..'HOI, TOLONG HORMAT SIKIT KAT BUTANG PAKU 'POLIS DIRAJA' DIBAHU 'DATUK' TU OK?! .. TOLONG JANGAN KURANG AJAR. APA? KAU INGAT KAU BAPAK GENSTER KE?. INI BAPAK KEPADA BAPAK GENSTER..TAU TAK?'...MANA AKU NAK HANTAR REPAIR KERETA AKU..AKU PUNYA PASAL LAH..SIAPA KAU NAK MARAH POLIS NI, EH!.. TO THE BEWILDERMENT OF THE CROWD AND OUR FELLOW POLICEMEN FROM THE PJ STATION (SALAM RINDU KAMI TERHADAP TUAN2 YANG BERTUGAS PADA MALAM BERSEJARAH ITU DAN SGT.MEJER TUKIMIN, KALAU TAK SILAP NAMA NYA). KALAU TERBACA DAN TERINGAT, SILA SAHKAN CERITA ABG INI.

MR. RAVI SIR,

YOU WANT TO KNOW WHAT THE NEXT SCENE WAS?'...ALL THE TOW TRUCKERS LEFT IMMEDIATELY LEAVING THE PATROLMEN IN AWE.

ONLY TO THE ALMIGHTY ALLAH WE ASKED FOR HIS STRENGHT AND GUIDANCES TO OUR REACTIONS THAT UNFORTUNATE NITE.

AND TO THE ALMIGHTY ALLAH WE SEEK HIS 'PROTECTION', ALWAYS..AMEEN.

MAY YOUR GOD GIVES YOU SOME INTELLIGENCE TO READ IN BETWEEN THE LINES...THE EVER DEVOTED POLICE FORCE DO NOT HAVE TO TRACK US DOWN BUT WE CAN MAKE A 'COURTESY' CALL WHENEVER REQUIRED..

WANNAKAM (GREETINGS)

Ps. We were amongst the invite to Tun Haniff launching of his 'book' at the officer's mess Bukit Aman, when he was the IGP.

By tuan tulis talang Author Profile Page on September 24, 2009 10:44 PM

Saya dan keluarga mengucapkan SELAMAT HARI RAYA kepada YAB TUN dan keluarga semoga Allah mengurniakan kesihatan yang baik dan keberkatan yang tidak terhingga . Amin

YAB Tun , I had the opportunity to shake hand with YAB TUN after you've officiating a new RISDA station in JELEBU in 1990. YAB TUN was walking towards the NURI copter in the SMTH school field , I ran towards YAB TUN , to shake your hands . It was a wonderful feeling and I could still rememberIn 2008 , YAB TUN came to PD ,to give a talk during Pa' lah 's reign as PM . YAB TUN , initial the latest book 'SELECTED LETTERS TO WORLD LEADERS ' and I had the chance to be photographed with YAB TUN .

YAB TUN , your ideas and comments are still relevant , today tommorrow and in the future to guide the leaders and the country .

Thank TUN .

<http://tuantulistalang.blogspot.com/>

By samuraimelayu Author Profile Page on September 24, 2009 9:24 PM

SALAM KASIH DAN SAYANG
AYAHANDA RAKYAT TUN
IZINKAN,

By samuraimelayu Author Profile Page on September 23, 2009 10:22 PM

By samuraimelayu Author Profile Page on September 23, 2009 10:10 PM

PLEASE PERMIT US TO RE-SUBMIT THE COMPLETE VERSION FOR THE ABOVE ENTRIES WHICH APPARENTLY BEEN DISTRUPED...THANK YOU AYAHANDA TUN.

By samuraimelayu on September 23, 2009 10:30 PM

SALAM KASIH DAN SAYANG
AYAHANDA RAKYAT TUN
IZINKAN,

BERNAMA-September 18, 2009 14:28 PM

Don't Nominate Isa Samad As Candidate, Says Dr Mahathir

WE HAD ECHOED AND ONCE AGAIN WITH THE REST OF THE RAKYAT THAT ARE GRATEFUL TO THE UMNO/BN GOVERNMENTS OF OVER 50 YEARS OF NATION BUILDING THAT HAD BROUGHT THE NATION SUCCESS, PROSPERITY, SECURITY,

HARMONY AND FAME WILL ECHO TO OUR AYAHANDA TUN'S CALL TO THE UMNO/BN LEADERSHIP NOT TO NOMINATE ISA SAMAD OR ANY 'BADAN NAJIS' CANDIDATE THAT HAD BEEN FOUND GUILTY OF CORRUPT PRACTICES AND WITH PROBLEMS FOR THE BAGAN PINANG BY-ELECTION.

THE RAKYAT WANTS A CANDIDATE THAT IS NOT ONLY CLEAN BUT SEEN CLEAN IN DISCHARGING HIS RESPONSIBILITIES IN LINE WITH THE CALL OF RAKYAT FIRST, PERFORMANCE NOW. A LEADER THAT WILL UPHOLD THE DIGNITY OF THE RULERS AND THE 'ADAT PERPATEH' AND TO SERVE THE PEOPLE WITH INTEGRITY AND WILL ALWAYS WORK HARD TO BRING PROGRESS, PROSPERITY, PEACE AND HARMONY TO THE RAKYAT IRRESPECTIVE OF COLOUR, CREED AND RELIGIOUS BELIEFS.

THE CALL FOR TAN SRI ISA SAMAD AS THE CANDIDATE FOR N.31 TO ENSURE VICTORY AS DREAMT BY HIS KETUA PEMUDA MAY TURN OUT TO BE A NIGHTMARE INSTEAD AND BE REST ASSURED THAT THE SAME FEAST OF 'CORRUPT' MENU WILL STILL BE SERVED BY THE PAKATAN RAKYAT TO THE VOTERS AT N31 AND AGAIN IN THE NEXT GENERAL ELECTIONS..THE ONLY FEASIBLE FOOD LEFT ON THEIR TABLE..THOUGH STALE, THE RAKYAT WILL STILL ACCEPT IT SINCE IT IS MADE IN UMNO/BN.

MAKANYA KAMI KATAKAN,

KEPIMPINAN UMNO/BN MESTI BERANI KETEPIKAN SEGALA BAHAN2(PEMIMPIN) YANG DAH 'KORAP JANTAN', 'KUNTA TEMPE', 'AHLI RAHSUAH', 'TATAK SOLEK', 'TARAK VALUE' DAN YANG 'BADAN NAJIS' (BERMASAALAH) SUPAYA TIDAK AKAN DIJADIKAN HIDANGAN (YANG AKAN MERACUN DAN YANG MENCEMARAKAN KEMAMPUAN BN) OLEH PIHAK PR KEPADA PENGUNDI DI N.31.

KERAJAAN UMNO/BN YANG KAMI HARGAI PERJUANGANNYA MEMBINA NEGARA SELAMA INI MESTI BERANI BERUBAH DEMI WAWASAN 2020...MALAYSIA NEGARA MAJU DIATAS SATU LANDASAN, SATU BANGSA, SATU BAHASA DAN SATU NEGARA YANG BERDAULAT.. MESTI BUANG TABIAT 'AAB' (ATAS ADA BATU) YANG TELAH MELEMAHKAN DAN HAMPIR MENJATUHKAN KERAJAAN BARISAN NASIONAL DI PRU 12, YANG SEBELUM ITU TELAH TERBUKTI KEMAMPUANNYA MEMBANGUNKAN NEGARA TERCINTA INI DAN TELAH DIJADIKAN CONTOH OLEH NEGARA2 ISLAM DAN NEGARA2 MEMBANGUN.

MAKANYA KAMI LAUNGKAN KEPADA RAKYAT NEGORI DI BAGAN PINANG (N31)

UNDILAH KERAJAAN YANG TELAH TERBUKTI KEMAMPUANNYA DAN BERGANDING SAMALAH DENGAN KERAJAAN YANG ADA SEKARANG BAGI MEMPERKASAKAN ADAT RESAM DAN BUDAYA HIDUP...

RAJA DEMI PERLINDUNGAN RAKYATNYA ,KERAJAAN DEMI KEMAJUAN NEGERINYA DAN RAKYAT DEMI KESEJAHTERAAN DAN MASA DEPAN JENERASINYA.

KAMI YAKIN KEPADA KEPIMPINAN DAN KEMAMPUAN KERAJAAN NEGORI SEMBILAN UNTUK MENJAYANYA SEGALA PERANCANGAN PEMBANGUNAN FIZIKAL DAN MENTAL UNTUK RAKYAT NEGORI WARIKH DEMI KEMAJUAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN MENGEKALKAN PERADABAN ADAT PERPATEH WARISAN KAMI ANAK NEGORI.

ALFATIHAH, AMIN.

By musatoAuthor Profile Page on September 24, 2009 6:32 PM

Assalamualaikum Tun.

Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada Tun dan keluarga.

By kedai_bajetAuthor Profile Page on September 24, 2009 5:58 PM

Salam semua..

Selamat Hari Raya Aidilfitri..Maaf Zahir & Batin kepada Dr. Mahathir dan semua pembaca blog ini =)

www.kedai-bajet.co.cc

By fadilAuthor Profile Page on September 24, 2009 4:22 PM

Assalamu 'alaikum wrt wbr Tun berdua yang dikasihi.

Selamat Hari Raya Eidul-Fitr. Semoga Allah SWT sentiasa melimpahi Tun berdua dengan rahmatNya. Amin.

Fadil Ibrahim

Kota Damansara, Selangor.

By ashikinAuthor Profile Page on September 24, 2009 3:25 PM

salam, selamat hari raya kepada Tun dan keluarga, terima kasih ke atas jasa Tun kepada rakyat malaysia dan negara tercinta. Sebagai rakyat yang pernah dipimpin oleh Tun ,saya dan keluarga sentiasa menyayangi Tun. Kami berbangga dan bersyukur adanya pemimpin yang hebat seperti Tun di dunia ini.Semoga Allah s.w.t panjangkan umur Tun dan keluarga.Jasa2 Tun tetap kami kenang.

Daripada:

Nurul Ashikin, Mak cak, Bu dan keluarga

Georgetown, Penang

By abdoossAuthor Profile Page on September 24, 2009 1:57 PM

Selamat Hari Raya buat Tun sekeluarga.

Walaupun saya tidak sentiasa bersetuju dengan pandangan Tun, tapi saya kagum dengan kesungguhan Tun mengutarakannya.. Teruskan!

By PenyumenagisAuthor Profile Page on September 24, 2009 12:40 PM

Assalamu'alaikum

Yang berbahagia Tun Dr. Mahathir, Yang berbahagia Tun Siti Hasmah dan ahli keluarga Para blogger yang dihormati sekalian,

Saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada Tun berdua, semua ahli keluarga Tun dan keluarga chedet.cc.com yang mengelola blog ini.

Saya memohon ampun dan maaf kepada Yang Berbahagia Tun berdua dan para blogger yang dihormati (terutama adik Wajaperak, Sdr Samurai Melayu dan Sdr Zul Rahman) di atas semua kesilapan tulisan saya di alam siber ini, kekasaran tutur kata, tersalah bahasa dan dan tersilap anggapan. Buanglah yang keroh dan ambil sahaja yang jernih.

The last few days or so have been very meaningful to Muslims all over the world celebrating the end of the fasting month (Ramadan), in various manners according to the culture of the region. But all Muslims would conform to the usual Islamic practices that started with the takbir "God is Great" touching their hearts with feelings of God's ultimate supremacy and nothing else should be worshipped but Him. In the morning, Muslims would perform the sunnatul Eid-ul-Fitr, followed by the feast.

In Malaysia, Eid ul Fitri is celebrated in a grand manner. Eid ul Fitri or the Grand Day (Hari Raya) is the major festival holiday for Muslims in Malaysia. The preparation for the grand day is extensive, including the dresses (for ladies) and house decorations (again for ladies), which may start many months before Ramadan. . Most Malaysians would go back to their villages to spend Eid ul Fitri with their parents. This yearly exodus is a phenomenon of its kind and not so much observed else where in the world. Muslims in the other part of the world do not celebrate this end of Ramadan in such a grand manner.

The food extravaganza is another unique feature for Muslims from all over the world including Malaysia. In Malaysia, this practice is almost sinful. The bazaar Ramadan, which on one hand is a good source of income for one-yearly businessmen and women, is nothing less than an extensive spread of foods to lure the hungry bodies to indulge and indulge. These bazaars are getting bigger and bigger each year and more in numbers, that now, city people hardly cook at home. A new kind food indulgence over the Ramadan period has emerged and became a new culture during the last few years, i.e. Ramadan buffet especially at the 5 star hotels. It is a big business for these hotel outlets which just goes to prove that Malaysian economy is going well that people can afford the high price per head for the buffet. Malaysians love eating and love their food weather from the streets or from high class restaurants.

One of the unique (again to Malaysia) cultures practice by Muslims here during the Hari Raya is the "asking for forgiveness" or "bermaaf-maafan" or "maaf zahir dan batin, halalkan makan dan minum". I do not find this culture exist in any other Muslim countries that I have been. None of

the Arab friends I have would ask forgiveness from me and it would be strange for me to ask them for maaf. What shall I say to them? "I am sorry zahir and batin". For that matter, I do not find similar practices in other religions during their festivities. May be some bloggers here could help point to me where do you think this culture came from, or do we invent this in Malaysia.

Hariraya in Malaysia is celebrated for one month. City dwellers are now started to come back to the cities and open houses culture will ensue for the whole month of Shawal. Of course, we wait for chedet open house this year, as usual. I love to queue up amongst thousands of rakyat jelata to meet Tun, his wife and his families. In two out of three visits I made in the past, I was drenched in the heavy rain. Although, Tun's Open House was more organized last year with covered walkway, but when the tropical rain came, the covered walkway was no help.

But I was happy to meet him to deliver my personal greeting.

Wassalam dengan penuh kasih sayang. Maaf Zahir dan Batin.
By drnurdinAuthor Profile Page on September 24, 2009 12:33 PM

YB (YANG BERSIH ATAU YANG BERKHIDMAT)

Terlebih dahulu saya ucapkan Selamat Hari Raya kepada Tun berdua.

1. Kalau nak cari calon YB (Yang Bersih) janganlah cari dikalangan ahli politik. Rasanya 95% wakil sedia ada samada BN atau pembangkang tak ada yang bersih. Mungkin dia nampak bersih tapi dia buat kerja kotor tu menerusi agennya terutama SETPOL, Pegawai Khas, AJK Bahagian, saudara mara dan juga political funder. Bayangkanlah kereta penyokong kuat mereka yang C Class, CLS, E Class dan rumah tiba-tiba jadi banglo.

2. Kalau nak cari YB (Yang Berkhidmat) biarlah akar umbi yang mencalonkannya. Sekurang-kurangnya akar umbi juga yang akan mengundinya. Kalau pimpinan Pusat menentukan calon, apa dia peduli kalau kalah pun. Atau dia sengaja letak calon supaya kalah. Pusat akan mencari alasan menyalahkan pengundi atau pun pengundi luar bial kalah. Itulah yang berlaku di KT bilamana Pusat enggan mendengar pandangan akar umbi dan meletakkan calon elit sombong yang tidak disukai akar umbi

3. Dalam politik, calon Bersih memang amat kurang. Sebut saja kelayakan mereka samada ulama, ustad, agamawan, ahli perniagaan semuanya ada cara sendiri untuk Tidak Bersih. Ahli Perniagaan menggunakan teknik perakaunan untuk mengabui mata. Ahli agama, ustad, agamawan menggunakan ayat suci dan mematahkan hujah untuk menghalalkan apa yang haram. Saudara mara, rakan senegeri, rakan sekampung, rakan semasjid akan diberikan keutamaan. Itu halal. Yang haramnya adalah yang orang lain buat. Khalwat, bogel dan liwat menjadi hal peribadi bukannya hal parti. Seks dan rasuah adalah sedekah bagi mereka. Jumpalah Tuan Guru maka semuanya jadi HALAL.

Sekiranya berlaku pada orang lain ia adalah haram dan rendah moral.

4. Mungkin kita perlukan calon payung terjun yang masih bersih sebagai calon PRU nanti agar tiada persoalan dikalangan pengundi. Sudah banyak contoh calon payung terjun menang dengan selesa kerana disenangi semua pihak. Cumanya dia perlu kekal bersih. Sebab bila dah menjejak tanah, maka mulalah dia dirasuk menjadi kotor. Dia akan kalah PRU seterusnya kalau tak berhati-hati. Ini kerana diatas tanah memang banyak yang kotor. Perlu bersabar. Tapi memang adat dunia, Yang Kotor tu lah yang disukai. Memang syaitan gemarkan tempat kotor seperti tandas.

Tun M, saya nak tanya sikit Kat Bagan Pinang tu agaknya siapa Yang Bersih yang masih ada. Mungkin perlu calon Payung Terjun. Kalau tidak UMNO Bahagian itu akan gembira calon mereka dicalonkan, tetapi akan meratapi sedih calon mereka tewas degnan majoriti besar.

By JBBAuthor Profile Page on September 24, 2009 12:25 PM

Salam penuh hormat buat Tun dan keluarga.
Semoga beroleh keampunan dan diberi kesihatan oleh ALLAH SWT dan bertemu dengan Ramadhan dan Syawal seterusnya. Maaf Tun, bukan nak takbur, tapi tak dpt saya nak fikir jika suatu hari Tun pergi mengadap Illahi, Negara akan kehilangan seorang pemimpin yang benar2 berkaliiber seperti Tun. Mendoakan semoga Tun sentiasa dalam Rahmat Allah SWT. Amin.

JBB

By zackadyAuthor Profile Page on September 24, 2009 11:45 AM

Dear Tun & Family

Assalamualaikum

Wishing you all the best celerating Aidilfitri 1430. Hope you're in goodness health.

By AzmiAuthor Profile Page on September 24, 2009 11:28 AM

Salam Tun,

Taqallahu minkum. Saya serta keluarga mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada Tun dan keluarga.

Saya mendadati Tun adalah salah seorang hamba Allah yang dikurniakan Allah dengan penuh keistimewaan, dan saya selalu berdoa agar kesilapan selalunya dapat ditutupi dengan memohon maaf, bertaubat dan diperbetulkan jika terdaya.

Semoga Tun dikurniakan dengan kesihatan dan kekuatan untuk terus berjuang mencari jalan yang lurus...

Wasslam

By drnuridinAuthor Profile Page on September 24, 2009 8:38 AM

SUKARNYA NAK BERSARA.

1. Bagi ahli politik terutama sekali yang memegang jawatan dalam kerajaan dan juga pegawai tinggi kerajaan adalah amat sukar sekali apabila tiba masa nak bersara.
2. Bukanlah semua mereka tergolong dalam golongan ini kerana terdapat juga yang tak sabar-sabar nak bersara.
3. Ahli politik termasuk ahli kabinet, mb dan exco sentiasa menggunakan alasan masih mendapat sokongan walaupun sokongan itu sebenarnya terus menurun dari semasa kesemasa. Tapi dengan kaedah meramaikan orang dalam sesuatu majlis dan pelbagai cara lain itu dijadikan alasan untuk menunjukkan sokongan.
4. Satu cara lagi adalah tidak mengadakan pelapis supaya sentiasa boleh menggunakan alasan tiada pengganti yang sesuai lagi. Berapa negeri yang ada Timbalan MB?
5. Cara lain adalah menggunakan kata-kata Tun iaitu "Perjuangan yang belum selesai". Bezanya dengan Tun adalah Tun tetap bersara dan mendoakan perjuangan yang belum selesai tersebut diselesaikan oleh penggantinya. (walaupun ada penggantinya mengubah/menghentikan perjuangan itu).
6. Ramai ahli politik yang turun atau bersara dengan kerelaan nampaknya sihat dan dihormati ramai selepas persaraannya seperti Tun M. Malah Tun M dilihat lebih sihat dan hensem dari semasa memegang jawatan PM. Hati senang, banyak masa membaca, banyak masa beribadat.
